

Peruntukan terhad PBT, JPS



HALIM berdiri di hadapan kedainya yang sudah runtuh kerana hakisan.

Shah Alam: Peruntukan kewangan terhad antara kekangan dihadapi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengatasi masalah hakisan di Pantai Remis, Kuala Selangor.

Walaupun masalah itu sudah berlaku dalam tempoh lama bermula dari arah utara sehingga ke selatan Kuala Selangor, tetapi ia tidak dapat dibaik pulih secara menyeluruh kerana peruntukan tidak mencukupi.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Noraini Roslan berkata, masalah berkaitan pantai adalah di bawah penjagaan dan pengawasan JPS, tetapi PBT tetap bertanggungjawab me-

ngambil beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah berkenaan.

Katanya, pihak JPS ada membuat rangka kerja bagi mengatasi masalah itu membabitkan beberapa fasa dan meliputi kos melebihi RM1 juta.

"Kami di MDKS bagaimanapun tetap membuat beberapa pembaikan bagi membolehkan pengunjung ke sana, antaranya membaik pulih tempat letak kereta, pondok dan gerai yang terletak di tepi pantai.

"Selain itu, usaha dan kerjasama penduduk kampung berdekatan Pantai Remis juga penting untuk mengatasi masalah itu. Disebabkan itu MDKS menjadikan Pantai Remis sebagai pantai angkat," katanya.

INFO

Pantai Remis

- Kedudukannya berhadapan dengan Pulau Angsa.
- Namanya diberi sempena kehadiran pelbagai jenis cangkerang laut yang terdapat di pesisir pantai itu.
- Terletak 20 kilometer arah selatan Kuala Selangor di Sungai Sembilang.
- Tarikan utama keindahan menikmati matahari terbenam di ufuk barat.